

KES KANAK-KANAK PEREMPUAN HILANG

Hanya tinggal tengkorak, cebisan rambut

B/HARIAN 7/3/2019 MS 16

➔ Mayat ditemui dalam gaung di tepi Jalan Gunung Raya

Oleh Suzalina Halid, Hamzah Osman dan Zuliaty Zulkifli
bhnews@bh.com.my

Langkawi

Seorang kanak-kanak perempuan berusia tiga tahun yang dilaporkan hilang oleh ibu kandungnya pada Ahad lalu, ditemui dalam keadaan tragis apabila mayatnya hanya tinggal tengkorak dan cebisan rambut, dalam gaung di tepi Jalan Gunung Raya di sini, semalam.

Bagaimanapun, tiada bahagian anggota badan Nur Aisyah Aleya Abdullah, yang dipercayai dibunuh, ditemui bersama tengkorak, kira-kira jam 11 pagi dalam gaung sedalam kira-kira 30 meter oleh Unit Anjing Pengesanan K9 dan Unit

Forensik Polis.

Walaupun mangsa dipercayai dibunuh pada 16 Februari lalu, laporan kehilangan mangsa hanya dibuat oleh Rosmaliah Samo, 31, jam 12.08 tengah malam Ahad lalu.

Wanita warga Indonesia membuat laporan polis selepas menyedari kehilangan anaknya setelah gagal menemui pasangan suami isteri yang menjaga anaknya di kediaman mereka di Kuarters Kaitangan Hospital Langkawi.

Wanita itu yang bekerja sebagai pembantu restoran di Padang Mat Sirat di sini, meninggalkan anaknya untuk dijaga pasangan terbabit kerana dia pernah tinggal bersama keluarga itu sebelum ini.

Berikutan kejadian itu, lelaki terbabit yang berusia 37 tahun dan isterinya berusia 40 tahun, jururawat di Hospital Langkawi, ditahan ketika bersembunyi di Taman Melati, Ampang, Selangor, semalam, bagi membantu siasatan.

Ketua Polis Daerah Langkawi, Superintendan Mohd Iqbal Ibrahim, berkata pihaknya dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya menahan pasangan suami isteri itu pada jam 4



Anggota polis membawa keluar kedua-dua suspek selepas menyelesaikan siasatan berhubung kes pembunuhan kanak-kanak di Kuarters Hospital Langkawi, semalam.

petang kelmarin.

Katanya, suspek lelaki itu kemudian membawa polis ke satu lokasi di Jalan Gunung Raya, sebelum menunjukkan tempat mayat kanak-kanak itu diletakkan, semalam.

Mayat tidak lengkap

"Kami hanya menemui tengkorak dan sedikit cebisan rambut... tiada bahagian anggota lain ditemui, berkemungkinan dimakan atau dibawa lari binatang buas, atau dipercayai sudah mereput.

"Mayat lengkap memang tak ada... cuma tinggal bahagian kepala sahaja," katanya pada sidang media di lokasi semalam.

Mohd Iqbal berkata, pasangan suspek itu mendakwa kanak-kanak itu mengalami sawan ketika berada di rumah mereka di sini sebelum berlaku sedikit pertengkaran antara mereka dalam tempoh itu.

Katanya, ketika pertengkaran itu, suspek lelaki terbabit dikatakan bertindak luar jangka.

"Dalam situasi nak pujuk kanak-kanak itu, dia telah tepuk beberapa kali kanak-kanak itu dan seterusnya (mangsa) tidak sedarkan diri.

"Suspek lelaki membawa mayat kanak-kanak itu ke kaki Gunung Raya untuk dibuang. Suspek memberitahu dia memasukkan mayat kanak-kanak itu dalam sebuah beg kemudian dibawa menggunakan kereta ke lokasi sebelum dikeluarkan dan diletakkan dalam gaung," katanya.

Beliau berkata cebisan mayat itu ditemui pada kedudukan berbeza daripada yang dikatakan lelaki terbabit.

Katanya, beg yang digunakan untuk mengisi mayat itu dipercayai dibuang di lokasi lain dan polis akan menyiasat lokasi tempat beg itu dikatakan dibuang.

Pasangan itu yang mempunyai empat anak, juga dikatakan membuat pertukaran sekolah anak mereka ke Johor dan menggunakan perkhidmatan syarikat pengangkutan bagi memindahkan barangan pada Jumaat lalu.

Kedua-dua suspek dijangka direman pagi ini di Mahkamah Majistret di sini, dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksamaan kerana membunuh.

Polis juga akan memanggil ibu mangsa untuk jalani ujian DNA.

GRAFIK BH
[FOTO BERNAMA]